

Kurikulum Kemahiran Hidup ke arah Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Norsuhada Mahmood, Azila Dason, Chia Peggie, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud

ABSTRACT

This survey is intended to see to what extent the life skills curriculum that is at present to realize the philosophy of national education and life skills curriculum is available to produce individuals who are competitive in the industry. Curriculum studied in detail and how their implementation at the school studied by examining studies that were undertaken by various parties. The data and information obtained in the analysis and recommendations to overcome these problems suggest. Model to determine the content of the curriculum or program has been built and the implementation of the model in different age groups have also been constructed. It is hoped that this study will provide an innovation in the development of life skills curriculum in Malaysia.

Keyword :

Life Skills curriculum, National Education Philosophy, realize, Life Skills Curriculum Model Designation, Model Innovation Living Skills Curriculum (INOKU-KHB)

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah kurikulum kemahiran hidup yang ada pada masa kini dapat merealisasikan falsafah pendidikan kebangsaan dan adakah kurikulum kemahiran hidup yang sedia ada mampu melahirkan individu yang berdaya saing dalam industri. Kandungan kurikulum diteliti secara terperinci dan sejauh mana pelaksanaannya di sekolah dikaji dengan meneliti kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak. Data-data dan maklumat yang diperolehi di analisis dan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah tersebut di syorkan. Model untuk menetapkan kandungan atau program dalam kurikulum telah dibina dan model pelaksanaan program tersebut mengikut peringkat umur juga telah dibina. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi satu inovasi dalam pembentukan kurikulum kemahiran hidup di Malaysia.

Kata kunci :

kurikulum Kemahiran Hidup, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, merealisasikan, Model Penetapan Kurikulum Kemahiran Hidup, : Model Inovasi Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (INOKU-KHB)

Pendahuluan

Dalam sebuah negara yang kian pesat membangun, perubahan-perubahan dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan. Ini adalah perlu bagi menampung keperluan-keperluan baru dalam pelbagai bidang. Semenjak pendidikan pravokasional diperkenalkan pada tahun 1965, banyak perubahan yang dinamik telah berlaku bagi memenuhi hasrat kerajaan dan halatuju pendidikan negara sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi.

Kurikulum Kemahiran Hidup adalah salah satu bidang yang ditawarkan di bawah Kurikulum Teknik dan Vokasional di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR dirancang dan dibentu supaya aktiviti pelajar dan pendidikan peringkat rendah adalah bercorak pendidikan asas. Justeru, matlamat pendidikan adalah untuk memastikan perkembangan murid secara menyeluruh. KBSR dibentuk berlandaskan kepada perakuan 57 (a) Laporan Kabinet iaitu :

“Kurikulum sekolah rendah hendaklah dirancang untuk membolehkan Murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang Komunikasi, bidang manusia dengan alam kelilingnya dan bidang perkembangan individu sesuai dengan keperluan minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid itu,”

(halaman 242).

Rancangan KBSM pula merupakan satu langkah kerajaan ke arah meningkatkan mutu pendidikan negara dengan penekanan terhadap potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Langkah ini bertujuan melahirkan rakyat yang dapat memberi sumbangan terhadap kemakmuran dan keharmonian negara. Shahril @ Charil dan Habib (1999), dalam buku mereka bertajuk Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran menjelaskan, KBSM menggunakan pendekatan bersepadu yang menggabungkan aspek pengetahuan dengan aspek kemahiran dan nilai murni, aspek teori dengan amali, kurikulum dengan kokurikulum dan budaya sekolah. Melalui aspek kurikulum, beberapa unsur penting dalam KBSM iaitu ilmu dan kemahiran, nilai-nilai murni dan bahasa. Dapat dirumuskan di sini, perkaitan unsur ilmu dan kemahiran dalam Kurikulum Kemahiran Hidup adalah diharapkan kandungan kurikulumnya dapat membina intelek dan mengembangkan daya pemikiran untuk menghuraikan, mencerakinkan, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas yang dapat dikaitkan dengan kehidupan seharian.

Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah

Kemahiran Hidup merupakan satu mata pelajaran bercorak amali yang diajar dalam Tahap II Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Mata pelajaran ini digubal untuk mengembangkan keupayaan dalam bidang reka bentuk dan teknologi serta perniagaan dan keusahawanan.

Bidang ini dapat dikuasai melalui penguasaan kemahiran praktis, pengetahuan serta pemupukan sikap yang positif berasaskan teknologi dan keusahawanan.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah bertujuan membolehkan murid memperoleh kemahiran praktis asas dan pengetahuan berasaskan teknologi keusahawanan, dan aspek pengurusan diri supaya mereka dapat menjalankan kerja buat-sendiri serta cenderung berusahaniaga dan mereka cipta. Ia juga membolehkan murid memperolehi kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan,

Dalam mata pelajaran ini tumpuan utama adalah kepada penguasaan kemahiran dalam Bidang Reka Bentuk dan Teknologi serta Perniagaan dan Keusahawanan. Kemahiran dalam Bidang Reka Bentuk dan Teknologi membolehkan murid mengeluarkan idea yang kreatif, inovatif dan inventif. Murid menjalankan aktiviti mengenal bentuk-bentuk asas, melakar, memahami fungsi produk serta menghasilkan projek dengan menggunakan pelbagai bahan seperti kayu, logam, bahan kitar semula, dan pengenalan komponen elektrik dan elektronik. Di samping itu, murid berupaya menyenggara serta membaiki kerosakan kecil pada alatan, mesin mudah dan perabot. Murid juga dilatih menjahit, membaiki pakaian, menanam dan menjaga tumbuhan hiasan, memelihara ikan hiasan serta menanam sayur-sayuran. Bidang Perniagaan dan Keusahawanan pula menitikberatkan unsur-unsur keusahawanan semasa menjalankan aktiviti jual-beli. Aktiviti ini juga member peluang kepada murid mengamalkan sikap pengguna yang bijak.

Dari segi perkembangan individu, KHSR dapat membantu murid memenuhi naluri ingin tahu dan ingin mencuba khususnya mengenai alatan, bahan dan mesin yang ada di sekeliling mereka. Ini memberi peluang kepada murid untuk mencuba, mereka cipta, mengubah suai, mengendali dan meneliti pelbagai hasil teknologi yang sesuai dengan perkembangan intelek mereka. Murid juga berpeluang menjalankan aktiviti jual beli. Melalui mata pelajaran ini juga sikap yang positif di kalangan murid dapat dipupuk. Dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan murid berpeluang mengamalkan budaya kerja yang baik seperti mengutamakan keselamatan, bekerja secara sistematik, bekerjasama, bertanggungjawab dan berdisiplin. Selain itu KHSR juga dapat memberikan murid ruang untuk mengembangkan imaginasi dan daya kreativiti di samping mendedahkan dan menggalakkan mereka ke arah keusahawanan. Mata pelajaran ini juga memberi murid kesedaran tentang perlunya menjaga alam sekitar dan penghargaan terhadap kerja dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk dan perniagaan.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian bidang pendidikan. Banyak peruntukan telah disalurkan untuk memajukan bidang ini agar masalah buta huruf di Malaysia dapat diatasi. Tujuan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara, Ini selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk mengadakan pendidikan kemahiran hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Perkembangan ini juga adalah ekoran daripada pendapat ramai bahawa sistem pendidikan di Malaysia ketika itu sudah tidak sesuai lagi kerana terlalu banyak memberi tekanan kepada mata-mata pelajaran akademik dan peperiksaan sahaja.

Oleh yang demikian, mata pelajaran KH telah dimasukkan dalam satu kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan pada masa itu. Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran KH untuk Tahun III hingga VI yang dinamakan Tahap Dua. Program KBSR ini telah diuji pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah yang terpilih dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983. Maka, tahun 1983 merupakan detik sejarah yang amat penting bagi mata pelajaran KH di Malaysia.

Pelancaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982 telah memartabatkan mata pelajaran KH sebagai mata pelajaran yang wajib di semua sekolah rendah. Adalah menjadi harapan besar semua pihak terhadap pelaksanaannya, maka ukuran untuk menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang tidak boleh diabaikan. Keadaan ini menjadikan kanak-kanak berasa senang dan memberi respon secara spontan dalam melahirkan ekspresi diri. Kecenderungan seperti ini apabila dikendalikan dengan baik, memainkan peranan yang efektif dalam proses perkembangan diri kanak-kanak.

Kurikulum pendidikan KH KBSR yang digubal semula mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Dalam usaha memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran satu semakan semula telah dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Penyemakan kurikulum bertujuan memantapkan Akta Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan warga Malaysia menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21.

Kandungan mata pelajaran kemahiran hidup sekolah rendah ini telah diolah berdasarkan dua bidang pembelajaran iaitu Reka Bentuk dan Teknologi serta Perniagaan dan Keusahawanan. Bidang pembelajaran pula terdiri daripada beberapa unit pembelajaran yang mengandungi tajuk berasaskan kemahiran dan pengetahuan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992)

Reka Bentuk dan Teknologi

Bidang pembelajaran ini bertujuan untuk membolehkan murid mereka bentuk dan menghasilkan produk berasaskan kepada idea-idea yang kreatif. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Pembentukan minda yang kreatif dijalankan melalui aktiviti mengenal bentuk-bentuk asas, melakar, memahami fungsi serta mereka bentuk produk mengikut kesesuaiannya. Pengetahuan tentang teknologi, bahan binaan dan komponen elektrik dan elektronik juga diterapkan bagi memantap serta membentuk minda yang kreatif dan inovatif. Murid juga melakukan aktiviti menyenggara dan membaiki kerosakan kecil pada alatan dan mesin mudah di samping menjalankan kerja-buat-sendiri. Murid juga didedahkan kepada amalan penanaman tanaman hiasan dan sayuran serta pemeliharaan ikan hiasan. Murid diberi cara membaiki pakaian dan menghasilkan artikel jahitan. Amalan keselamatan di tempat kerja dan pengurusan bengkel juga diserapkan semasa melakukan aktiviti ini.

Perniagaan dan Keusahawanan

Bidang pembelajaran ini bertujuan untuk memupuk minat dan kesedaran murid dalam perniagaan dan keusahawanan melalui aktiviti jual beli. Kemahiran yang diperolehi menerusi

unit pembelajaran ini termasuklah merancang, mengurus dan merekod jualan. Murid juga didedahkan beberapa risiko dalam mengusahaniaga barang. Unsur keusahawanan dan sikap pengguna yang bijak diberi tumpuan dalam aktiviti usahaniaga. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992)

Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah.

Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu telah mengalami beberapa peringkat perubahan semenjak diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ee Ah Meng (1988), menyatakan pendidikan pravokasional diperkenalkan dalam sistem Aneka Jurusan pada tahun 1965 yang bermatlamat antaranya untuk mempelbagaikan jenis kursus supaya dapat mengeluarkan pelbagai tenaga manusia yang berkemahiran untuk memenuhi kehendak proses pemodenan pertanian dan mempercepat perindustrian. Dalam sistem tersebut, pelajar dikehendaki mengambil salah satu daripada empat mata pelajaran elektif iaitu Seni Perusahaan, Perdagangan dan Keusahawanan, Sains Pertanian dan Ekonomi Rumah Tangga.

JawatanKuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 merumuskan bahawa mata pelajaran elektif ini telah menjuruskan pelajar terlalu awal ke dalam sesuatu pengkhususan. Ekoran daripada itu, pada tahun 1989 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dan memperkenalkan mata pelajaran baru iaitu Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) bagi menggantikan sistem Aneka Jurusan.

Matlamat Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi, kenal faham ekonomi, dan mempunyai sifat dan sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif dan produktif dan boleh berinteraksi dengan baik. (Shahril @ Charil dan Habib, 1999). Objektif mata pelajaran tersebut adalah untuk membolehkan para pelajar :

- 1.1 Memperoleh pengetahuan dan mempertingkatkan kemahiran asas yang beraskan kenal faham teknologi berungsi secara berkesan dalam urusan di rumah dan tempat tinggal.
- 1.2 Menjalankan kerja-buat-sendiri, menyelenggara dan membaik pulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan.

- 1.3 Mempertingkatkan kemahiran mengendalikan urusan didi dan keluarga secara teratur, kemas dan bertanggungjawab selaras dengan nilai dan tatasusila masyarakat.
- 1.4 Meluaskan pemahaman dan mengenalkan prinsip asas perniagaan dan keusahawanan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna dan pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan.
- 1.5 Mengetahui bidang kerjaya berkaitan dengan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan.
- 1.6 Mengumpul dan memproses maklumat secara sistematik dan membuat keputusan yang bijaksana.
- 1.7 Bertindak dengan bijak dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan teknologi dan dunia yang sentiasa berubah.
- 1.8 Memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur, bekerjasama dan mengamalkan cara kerja yang sistematik, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab.
- 1.9 Mengamalkan sikap dan tabiat yang baik dan jujur terhadap sebarang kerjaya serta menghormati dan menghargai kerjaya kolar biru.
- 1.10 Menceburkan diri dalam kegiatan rekreasi yang sihat dan membuat kebajikan kepada masyarakat.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup diperkenalkan bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan kemahiran asas untuk mereka mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Kemahiran asas ini disepadukan dengan nilai-nilai murni seperti bersikap positif terhadap kerja, bersifat inovatif, berinisiatif, berdikari, mementingkan keselamatan dan kesihatan serta bermesra dan bersopan santun di dalam kehidupan mereka. Kemahiran dan nilai-nilai murni yang diterapkan ini adalah sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Perlaksanaan kurikulum bagi mata pelajaran ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian teras dan bahagian pilihan. Bahagian teras mengandungi tiga komponen wajib untuk semua pelajar iaitu kemahiran manipulatif, perdagangan dan keusahawanan serta kekeluargaan. Bagi bahagian pilihan pula tiga komponen yang ditawarkan ialah kemahiran

manipulatif tambahan, ekonomi rumah tangga dan pertanian. Untuk bahagian pilihan ini para pelajar hanya dibenarkan memilih satu sahaja bahagian pilihan yang ditawarkan.

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pelaksanaan mata pelajaran ini adalah berdasarkan pembelajaran melalui pengalaman. Strategi pembelajaran berdasarkan pengalaman ini disarankan agar dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membina keyakinan diri lantas menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam urusan kehidupan mereka.

Menurut Mohd Aszhar (2004), secara amnya penggubalan semula ini seperti kembali kepada sistem Aneka Jurusan yang telah dilaksanakan pada tahun 1965 tetapi komponen teras dikekalkan dan pelajar perlu memilih bahagian pilihan (elektif) yang mempunyai empat pilihan. Empat bahagian pilihan itu ialah Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan pilihan yang keempat Perdagangan & Keusahawanan. Pelaksanaan bagi sukatan baru ini telah diguna pakai oleh semua sekolah-sekolah menengah di seluruh negara pada bulan Januari tahun 2003. Peringkat awal ini telah melibatkan pelajar tingkatan satu di seluruh negara.

Kurikulum Kemahiran Hidup dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah pendidikan kebangsaan menjadi dasar dan panduan bagi semua aktiviti pendidikan di Malaysia. Falsafah pendidikan kebangsaan menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan bukan sahaja untuk masyarakat dan negara malah untuk individu itu sendiri. Ini kerana individu yang baik akan menjadi warganegara yang baik.

Kurikulum Kemahiran Hidup direkabentuk untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jika sebelum 1979, pendidikan hanya difokuskan kepada pendidikan akademik dan peperiksaan tetapi setelah menyedari sistem itu tidak dapat merealisasikan falsafah pendidikan kebangsaan, kurikulum kemahiran hidup telah direkabentuk dan dijadikan satu matapelajaran wajib bagi semua pelajar tahap dua di sekolah rendah. Objektif utama kurikulum kemahiran hidup adalah memastikan setiap pelajar memperolehi kemahiran asas rekacipta, pertukangan, jahitan, tanaman dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja-buat-sendiri, merekacipta dan cenderung berurusniaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik. Ini adalah langkah pertama sebelum individu ini menjejakkan kaki ke dunia industri. Ini juga merupakan platform

untuk individu tersebut mengembangkan bakat dan potensi diri sebagai persediaan awal menyediakan diri untuk menjalani kehidupan yang bermakna.

Pembelajaran Kemahiran hidup secara jelas melatih pelajar mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan efektif secara bersepadu, dan ini sangat penting demi menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pembinaan insan yang harmoni dan dapat memberikan sumbangan kepada negara, masyarakat dan keluarga.

Abdul Shukor bin Abdullah (2000), menyatakan bahawa pendidikan KH yang dijalankan di sekolah memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, beretika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan. Ini selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (KPM, 2002).

Matlamat pendidikan KH bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang kemahiran hidup, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan projek mudah, berpontensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika dan dapat mengamalkan nilai murni (KBSR KH, 2000). Ianya juga bertujuan untuk menjadi satu mata pelajaran yang dapat menyeimbangkan JERIS murid seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan penerimaan minda terhadap mata pelajaran lain.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Mohd Bakari (2007), matapelajaran kemahiran hidup ini diminati oleh murid samada pelajar yang cerdas atau pelajar yang agak lemah. Pemupukan kreativiti secara praktikal menjadi satu pemangkin kepada peningkatan penerimaan minda terhadap matapelajaran lain sekaligus dapat mengatasi masalah sosial dikalangan pelajar. Ini kerana minat yang mendalam menjadikan pelajar menumpukan sepenuhnya terhadap projek rekacipta dan ini sedikit sebanyak dapat membanteras gejala lepak, penagihan

dadah, vandalism dan pergaulan bebas di kalangan pelajar. Jelas disini bagaimana kurikulum yang dibentuk dapat membentuk intelek, emosi dan sosial pelajar sebagaimana yang ditetapkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan.

Kurikulum yang dibentuk ini juga meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar, memupuk kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran membuat keputusan bagi melahirkan warganegara yang cukup pakejnya iaitu berpengetahuan, melaksanakan pengetahuan dan menyampaikannya kepada orang lain untuk keberuntungan bersama. Warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan ini mampu mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara, Ini selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bukan sahaja untuk pembangunan dan kesejahteraan diri individu tetapi juga untuk pembangunan dan kesejahteraan setiap lapisan hubungan individu berkenaan bermula dengan keluarga, meluas kepada masyarakat dan Negara. Pendidikan Kemahiran Hidup juga dapat memupuk sikap saling bekerjasama dan dapat menjauhkan murid dari sifat sombong, riak dan bangga diri.

Jadi, jelas di sini menunjukkan kurikulum kemahiran hidup yang telah dibentuk dapat merealisasikan falsafah pendidikan kebangsaan. Namun perlu kita sedari Malaysia membangun dengan begitu pantas. Sektor perindustrian semakin memuncak. Persoalannya, mengapa masih ada siswazah yang dilahirkan sukar menyesuaikan diri dengan sektor industri? Adakah ia berpunca dari asas kemahiran hidup yang dipelajari semasa disekolah rendah dan menengah dahulu tidak mencukupi untuk siswazah berkenaan? Persoalan inilah yang cuba kami leraikan.

Masalah Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu Sedia Ada

Baru-baru ini kita digemparkan dengan kenyataan Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, Ahmad Tajudin Jab yang menyatakan isu ketidaksesuaian kursus serta nisbah agihan komponen akademik dan kemahiran perlu disesuaikan semula. Kita digemparkan lagi dengan isu penjenamaan semula program pendidikan teknik dan vokasional. Persoalannya, adakah kurikulum yang sedia ada tidak mencukupi atau pelaksanaannya agak kurang menjadikan isu ini menjadi perhatian ramai.

Para siswazah yang dilahirkan pula seolah-olah kekok berhadapan dengan industri menjadikan jawatan-jawatan kosong lebih dipenuhi oleh siswazah keluaran politeknik dan kemahiran berbanding dengan keluaran IPTA. Jelas disini kebanyakan mahasiswi keluar IPTA hanya berasaskan kemahiran teknikal yang dipelajari dalam matapelajaran kemahiran hidup semasa di sekolah rendah dan menengah berbanding keluaran politeknik yang biasanya dari Sekolah menengah teknik dan Vokasional. Namun tidak dinafikan kurikulum IPTA dan Politeknik yang berbeza peratusnya antara teori dan praktikal memainkan peranan penting namun asas pengetahuan dan pengalaman semasa sekolah menengah dan rendah tidak boleh diketepikan.

Cadangan Penambahbaikan dalam Kurikulum Kemahiran Hidup

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Bakari (2007), dalam seminar penyelidikan pendidikan, institut perguruan batu lintang kurikulum kemahiran hidup yang sedia ada telah mencukupi namun pelaksanaan yang tidak mengikut jadual menjadikan kurikulum yang sepatutnya di sampaikan kepada murid tidak dapat disampaikan. Ini menjadikan intelektual dan potensi murid sebenar tidak dapat di kembangkan. Disebabkan pengetahuan asas tidak diperolehi di peringkat rendah, ia amat mengganggu pelaksanaan seterusnya di peringkat menengah. Inilah yang menjadikan pengetahuan teknikal dan kemahiran murid adalah kurang sehingga menyelabkan ia kurang dipilih semasa pemilihan bekerja di industri. Pada hakikatnya matapelajaran ini amat diminati oleh murid dan dapat diterima sebagai aktiviti harian dalam hidup seharian. Namun disebabkan matapelajaran akademik seperti matematik, sains, bahasa melayu dan bahasa inggeris lebih ditekankan menjadikan mata pelajaran kemahiran hidup dianak tirikan. Untuk mengatasi masalah ini, guru, pentadbir, PPD dan JPN perlu memainkan peranan masing-masing. Guru-guru perlu akur dengan kurikulum yang telah di rangka dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Pentadbir juga perlu mendokong matapelajaran ini dari segi kewangan dan juga memastikan guru-guru kemahiran hidup melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik. PPD dan JPN pula perlu membuat pemantauan agar matapelajaran kemahiran hidup tidak lagi dianaktirikan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Yahya Buntat et. al (2008), mendapati guru-guru kemahiran hidup mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pengajaran namun masalah alatan yang kurang mencukupi menjadi kekangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Oleh itu, guru-guru yang melaksanakan matapelajaran berkenaan perlulah mempunyai komitmen yang tinggi serta pihak pentadbir sekolah hendaklah

berusaha menyediakan kemudahan peralatan dan bahan pengajaran yang mencukupi untuk keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ini. Dengan peralatan yang mencukupi baharulah kurikulum dapat dilaksanakan sepenuhnya dan potensi sebenar murid dapat dikembangkan dengan jayanya.

Selain itu, pemilihan aliran atau bidang yang dipilih oleh murid di peringkat sekolah menengah adalah tidak selari dengan minat dan potensi yang ada pada murid berkenaan. Pengajaran dan pembelajaran turut terganggu disebabkan beberapa pelajar yang kurang berminat dengan aliran yang dipilihnya. Ini kerana pelajar berkenaan tidak menyedari potensi dan minat sebenar mereka sebelum memilih aliran. Ini juga berlaku disebabkan pihak sekolah menetapkan aliran yang perlu diikuti oleh pelajar di kelas berkenaan. Oleh itu, pelajar perlu mengenalpasti potensi dan minat sebenar mereka sebelum memilih sesuatu aliran serta redha dan menerima seadanya dan terus mengikuti aliran tersebut dengan komitmen yang tinggi setelah memilih aliran itu.

Walaupun dikatakan kurikulum yang telah ada sudah mencukupi namun untuk menuju ke sebuah negara maju falsafah pendidikan kebangsaan perlu direalisasikan secepat mungkin. Ini dapat dicapai dengan penerapan penggunaan peralatan ICT di sekolah rendah. Ini adalah amat penting bagi mengatasi kegugupan penggunaan perisian yang lebih sukar semasa di sekolah menengah dan IPTA nanti. Murid perlu diperkenalkan dengan penggunaan *rotate 90°*, *copy*, *paste* dan beberapa ikon asas sebagai persediaan untuk mempelajari AUTOCAD semasa di sekolah menengah nanti.

Di peringkat Menengah, terutamanya kepada murid yang memilih jurusan Perdagangan dan Keusahawanan (Pilihan 4) sukatan pelajaran dalam kurikulum sedia ada perlu ditambah dengan penggunaan ICT menjurus kepada perisian asas untuk simpan kira seperti Microsoft Excel. Hal ini dapat memberi gambaran awal kepada murid tentang penggunaan asas dalam merekod urusniaga. Perisian-perisian asas dalam perakaunan juga perlu dibagunkan sesuai dengan tahap dan keperluan murid pada peringkat sekolah menengah. Jika murid telah biasa menggunakan perisian ini ia akan lebih bermakna untuk persediaan mata pelajaran Prinsip Perakaunan di dalam Tingkatan Empat.

Selain itu satu tambahan baru untuk sekolah rendah ialah lukisan grafik di bawah bidang rekabentuk dan teknologi. Di bawah tema ini murid akan melukis sendiri grafik projek yang akan

dibangunkan bagi mendedahkan murid secara perlahan-lahan ke dalam arena rekabentuk grafik. Dengan kurikulum ini kreativiti murid dapat dibentuk dengan lebih mudah dan interaktif serta dekat dengan dunia profession yang sebenar.

Bagi murid sekolah menengah pula, tambahan praktikal dalam automotif adalah amat diperlukan. Murid bukan sahaja perlu mengetahui secara teori tentang operasi enjin, sistem Pengapian, Sistem bahan bakar, Sistem pelinciran, Sistem Pendingin, Sistem Starter tetapi sekurang-kurangnya murid perlu boleh menukar tayar yang pancit dan menukar plag yang tersumbat memandangkan senario hari ini ramai murid, bukan sahaja lelaki tetapi murid perempuan juga menaiki motosikal untuk ke sekolah. Praktikal ini amat penting bagi memastikan pembelajaran itu adalah pembelajaran yang bermakna. Kurikulum yang dicadangkan ini sebenarnya tidaklah berdiri sendiri tetapi ia saling berkaitan dengan tema-tema yang lain bagi memastikan setiap tema yang dipelajari adalah bermakna.

Penambahan kurikulum yang dicadangkan ini masih perlu dibuat kajian yang lebih luas dan menyeluruh sebelum di laksanakan di sekolah. Ini kerana perubahan dalam satu kurikulum tidak boleh dibuat tanpa keesahan yang jitu kerana ia melibatkan masa depan individu dan Negara pada masa akan datang. Untuk itu kami telah mencadangkan model inovasi kurikulum untuk memastikan kurikulum yang dicadangkan itu betul-betul dapat dilaksanakan di sekolah ataupun tidak.

Inovasi Model Kurikulum Baru Kemahiran Hidup yang Dicadangkan

Inovasi dalam kurikulum sentiasa belaku memandangkan pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan yang berlaku terhadap persekitaran. Apa sahaja perubahan yang berlaku akan memberi kesan terhadap pendidikan terutama aspek kurikulum.


Menurut Kamus Dewan, Edisi Keempat (2007), inovasi bermaksud sesuatu yang baru diperkenalkan atau perihal (tindakan dan sebagainya), mengadakan, memulakan sesuatu yang baru. Dalam konteks pendidikan, inovasi bermaksud sebagai usaha yang dirancang dengan teliti bagi memperbaiki amalan proses pendidikan untuk mencapai beberapa objektif bagi kebaikan masyarakat dan Negara. Menurut Razali Arof (1991):

“Inovasi pendidikan diertikan sebagai penghasilan idea dalam bentuk Mujarad berdasarkan proses pengubahsuaian dan penyusunan semula Unsur sedia ada dengan tujuan untuk memperkemas dan mempertingkatkan Lagi beberapa aspek dalam pendidikan”.

Kurikulum yang dirangka untuk sesuatu matapelajaran adalah amat penting bagi memastikan pembelajaran matapelajaran berkenaan tidak sia-sia. Pembelajaran yang bermakna berlaku apabila sesuatu input yang diperolehi dalam matapelajaran berkenaan dapat di aplikasikan dalam kehidupan seharian. Rajah 1.1 menunjukkan Model Penetapan Kurikulum Kemahiran Hidup bagi rekabentuk program yang bakal dilaksanakan dalam matapelajaran Kemahiran Hidup. Adalah diharapkan agar penggunaan model ini dapat merangka program atau kurikulum yang baik untuk merealisasikan falsafah pendidikan kebangsaan.

Dalam menentukan kurikulum kemahiran hidup, faktor persekitaran iaitu tekanan ekonomi, industri, politik, budaya dan sosial adalah amat penting untuk difikirkan. Segala yang terdapat dalam faktor persekitaran diambil kira bagi memastikan tujuan sebenar pendidikan iaitu melahirkan individu yang menyedari hakikat, makna dan tujuan hidupnya adalah semata-mata kerana Allah s.w.t. Dalam setiap tindakan, ilmu yang diperolehi, pekerjaan yang dilakukan dan juga imbuhan atau pendapatan yang diperolehi segala-galanya menuju pada yang esa.

Rajah 1.1 : Model Penetapan Kurikulum Kemahiran Hidup



Faktor persekitaran iaitu tekanan ekonomi, industri, politik, budaya dan sosial adalah amat penting untuk difikirkan dalam penggubalan sesebuah kurikulum. Ini kerana segala input yang dipelajari akan membawa kepada output akan datang dalam persekitaran yang sama. Perubahan dalam persekitaran adalah bergantung kepada output yang diperolehi kesan dari input yang diterima. Segala kepincangan yang ada dalam persekitaran atau sebarang penambahbaikan yang perlu dari persekitaran yang ada boleh dibaiki melalui output yang bakal diterima. Jadi bagi memastikan output yang bakal diterima sebagaimana yang dikehendaki, tujuan atau sasaran kita perlu tepat. Apabila sasaran adalah tepat segala input yang diperlukan akan dirangka bagi memenuhi objektif atau tujuan yang telah ditetapkan. Disinilah pentingnya untuk menetapkan sasaran dan tujuan pendidikan yang tepat dan tiada lain yang lebih tepat

melainkan melahirkan individu yang menyedari hakikat, makna dan tujuan hidupnya adalah semata-mata kerana Allah s.w.t.


Program-program yang bertepatan akan dirangka menggunakan model penetapan kurikulum kemahiran hidup ini mengikut peringkat umur. Kemahiran-kemahiran yang sepatutnya individu tersebut pelajari pada peringkat umur tersebut diterap dalam setiap kandungan kurikulum. Kandungan-kandungan program akan dianalisis secara terperinci. Ketepatannya dari segi kognitif, psikomotor dan juga keberkesannya akan dikaji. Setelah ianya dianalisis, kandungan yang terbaik akan dipilih dan disusun mengikut susunan yang sesuai supaya pembelajaran dapat diterima dengan mudah. Susunan kandungan yang dibuat ini akan dikaji lagi secara terperinci supaya ia betul-betul menepati apa yang disasarkan dan selaras dengan matlamat FPK.

Setelah kandungan dan susunan program diterima, penstrukturan pengajaran dibuat bagi membantu para pelaksana iaitu pentadbir, penyelaras dan para guru untuk melaksanakan program yang dirangka. Di dalam penstrukturan ini, objektif, hasil pembelajaran dan kaedah pengajaran di rangka untuk membantu guru-guru melaksanakan program ini. Seterusnya, skop tugas pelaksana ditetapkan dalam format pelaksanaan supaya tidak berlaku pertindihan dan pertikaian tugas. Ini adalah penting bagi memastikan setiap pelaksana memahami skop tugas masing-masing. Program yang telah direkabentuk akan disusun dan dikelaskan serta dilaksanakan mengikut peringkat umur supaya setiap kemahiran dapat dikuasa secara berperingkat.

Rajah 1.2 di bawah menunjukkan Model Inovasi Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (INOKU-KHB). Model ini menunjukkan kandungan kurikulum yang perlu dipelajari oleh setiap pelajar mengikut peringkat umur bermula dari tadika sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Adalah diharapkan agar kurikulum yang dibentuk dalam model ini dapat merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekaligus menerapkan nilai ketuhanan di dalam diri individu agar kerjaya yang dipilih akan menjadi bermakna.

Rajah 1.2 : Model Inovasi Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (INOKU-KHB)

|| SEDAR KENDIRI + KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN + FPK ||



PETUNJUK :

KURIKULUM	ISI KANDUNGAN
K1	3M + PERSEKITARAN + AGAMA/MORAL
K2	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL
K3	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL + ASAS ICT
K4	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL + KHSR + ASAS ICT
K5	MP TERAS + (KHB :TERAS & ELEKTIF) + PERISIAN ICT+ PRAKTIKAL
K6	MP TERAS + MP TAMBAHAN + MP ELEKTIF (TEKNIK & VOKASIONAL) + PERISIAN ICT PERTENGAHAN DAN TINGGI.
K7	MP PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI + KEPERLUAN INDUSTRI (TEORI & PRAKTIKAL)

Kesimpulan

Kita telah sedia maklum bahawa matlamat wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju. Akan tetapi kebelakangan ini kita terlalu menitikberatkan pengajian tinggi semata-mata dan telah mengabaikan kepentingan pendidikan teknik dan vokasional serta pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Memandangkan pentingnya pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah dan sekolah menengah, semua pendidik harus sentiasa peka dan sedar tentang perkembangan-perkembangan baru dan isu-isu semasa dalam arena pendidikan. Mata pelajaran Kemahiran Hidup di Malaysia yang kini sedang giat berubah dengan kemunculan beberapa masalah serta cabaran untuk golongan guru Kemahiran Hidup.

Segala perkembangan dan perubahan baru itu harus disedari, difahami, dinilai dan dikaji secara teliti dan rasional oleh guru-guru Kemahiran Hidup supaya mereka dapat menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran semasa dalam bidang ini dengan menerima dan mencuba kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan dalam pedagogi Kemahiran Hidup yang mungkin berbeza atau dipersepsi sebagai yang baru.

Adalah jelas daripada perbincangan dan keterangan yang dinyatakan di atas bahawa perlaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah mahupun sekolah menengah telah memainkan peranan penting dalam reformasi pendidikan di Malaysia. Diharapkan bahawa kurikulum bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, berkemahiran, bersedia dengan alam dunia pekerjaan dan penting sekali ialah mempunyai nilai-nilai yang murni akan menjadi sumbangan ke arah menjayakan wawasan 2020 Malaysia untuk meningkatkan produktiviti dan memajukan ekonomi negara. Adalah diharapkan bahawa pelajar yang telah mengikuti pelajaran ini boleh mengalami kehidupan yang baik dalam dunia berteknologi yang kompleks dan sentiasa berubah dan berkembang ini.

Rujukan

Ee Ah Meng (1988), *Pendidikan di Malaysia untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hj. Mohd Bakari Bin Zakaria, Hatta Bin Ismail dan Mohamad Bin Abdullah. "Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Daerah Besut, Terengganu". Kertas dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan di Batu Lintang pada tahun 2007.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1980), *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Kuala Lumpur, (Laporan Kabinet).

Kementerian Pendidikan Malaysia (1987), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Laporan Jawatankuasa Pusat Perkembangan Kurikulum*, Kuala Lumpur, Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah*. Dicapai pada 2002. Daripada http://www.kolejku.com/ppk/hsp/k_hidup/kbsr/hsp_kh_y4.pdf

Mohd Aszhar Muhamad Sani (2004), *Tinjauan Awal Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Baru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan Satu Di Sekolah Menengah Sekitar Kawasan Skudai, Johor Bahru, Johor*, Laporan Tesis : Universiti Teknologi Malaysia.

Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Yahya Buntat, Muhammad Rashid Rajuddin, Kandar Selamat dan Jailani Damsuki, *Keberkesanan pelaksanaan matapelajaran komponen kemahiran hidup (sains pertanian) di sekolah-sekolah menengah Daerah Pontian berdasarkan Model KIPP*,